

## PANDUAN PEMBAHARUAN SIJIL PEMBEKAL

### 1. Proses Pembaharuan

Proses pembaharuan sijil pendaftaran melalui Sistem SUS boleh dilaksanakan oleh syarikat berikut :

- 1.1 Syarikat berdaftar yang mempunyai nombor vendor TNB sedia ada (3xxxxxx)
- 1.2 Syarikat berstatus sementara (temporary vendor) yang ingin mendaftar sebagai vendor tetap TNB
  - Perlu memaklumkan hasrat untuk mendaftar terlebih dahulu dengan menghantar e-mel kepada [ssdproc@tnb.com.my](mailto:ssdproc@tnb.com.my)
- 1.3 Syarikat berstatus Special Approval-Local (SAL) yang ingin mendaftar sebagai vendor tetap TNB
  - Melakukan pembaharuan sijil pendaftaran melalui sistem SUS

### 2. Maklumat dan dokumen syarikat/perniagaan

Syarikat yang ingin memperbaharui sijil pendaftaran perlu memasukkan (key-in) maklumat lengkap yang terkini dan melampirkan dokumen yang telah disahkan seperti berikut:

Maklumat	Dokumen Sokongan	Pengesahan
Mempunyai pendaftaran dengan SSM	Laporan SSM Digital Certified True Copy (DCTC) yang terkini	Tidak diperlukan
<b>Kontraktor kerja:</b> Mempunyai pendaftaran dengan CIDB	I. Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran II. Salinan Sijil Pusat Khidmat Kontraktor (sekiranya ada)  Salinan sijil perlulah mempunyai Digital Certified True Copy (DCTC)	
<b>Pembekal &amp; kontraktor perkhidmatan:</b> Mempunyai pendaftaran dengan KKM	I. Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat II. Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera (sekiranya ada)	Pesuruhjaya Sumpah/Setiausaha Syarikat/Pegawai Kerajaan Kelas A/Penghulu atau Eksekutif TNB
<b>Broker insurans/syarikat insurans/bank/syarikat pelaburan:</b> Mempunyai Lesen dari Bank Negara	Salinan Lesen dari Bank Negara/KKM	

Kemaskini Maklumat Syarikat		
Maklumat	Dokumen Sokongan	Saluran
No. akaun bank	Salinan penyata bank yang terkini (disahkan oleh pihak bank berkenaan)	E-mel ke <a href="mailto:ssdproc@tnb.com.my">ssdproc@tnb.com.my</a>
Alamat premis perniagaan	Laporan SSM Digital Certified True Copy (DCTC) yang terkini	
Nama perniagaan		
No. telefon dan faks	-	
No. pendaftaran SST	Salinan Surat Kelulusan Pendaftaran SST yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia	

Pemohon dikehendaki melampirkan semua dokumen sokongan secara online dalam format .pdf di ruangan yang disediakan. Dokumen imbasan hendaklah disahkan oleh pihak yang diberi kuasa.

### 3. Tempoh sahlaku sijil-sijil yang didaftarkan

Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia/CIDB, Sijil Pengiktirafan Bumiputera dan Sijil Perniagaan ROB (SSM) hendaklah tempoh sahlakunya sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** daripada tarikh permohonan.

Syarikat yang ingin memperbaharui sijil pendaftaran dinasihatkan untuk mengemaskini data dengan Kementerian Kewangan Malaysia, CIDB dan PKK kerana semakan lanjut akan dibuat dengan semua sistem rekod berkenaan.

TNB berhak menolak permohonan sekiranya maklumat yang dimajukan bercanggah dengan maklumat/rekod Kementerian Kewangan Malaysia atau CIDB/PKK.

### 4. Fee

Fee adalah **RM 50.00** bagi setiap permohonan baru atau pembaharuan/ pertukaran/pengemaskinian maklumat.

4.1 Bagi permohonan secara atas talian, pemohon perlu klik pautan yang diberikan di dalam emel. Pemohon akan menerima inbois bercukai dalam tempoh 24 jam selepas pembayaran dibuat. Memandangkan pembayaran akan dikemaskini secara automatik di dalam sistem, pemakluman kepada Unit Pendaftaran Pembekal TNB adalah tidak diperlukan.

4.2 Bagi pembayaran secara manual, inbois bercukai perlu dipohon terlebih dahulu daripada Unit Pendaftaran Pembekal TNB dengan memajukan permohonan melalui e-mel ke [resit-vendor@tnb.com.my](mailto:resit-vendor@tnb.com.my). Pemohon akan menerima inbois bercukai (melalui e-mel) dalam tempoh 3 hari bekerja dan perlu mencetak inbois bercukai berkenaan serta membuat pembayaran di mana-mana Kedai Tenaga TNB. Pemohon perlu memajukan semula resit pembayaran tersebut melalui

fax : **03-5030 8799** atau menerusi e-mel : [resit-vendor@tnb.com.my](mailto:resit-vendor@tnb.com.my). Permohonan yang tidak memajukan resit dalam jangka masa **30 hari** selepas inbois bercukai dimajukan akan dikeluarkan (*delete*) daripada sistem.

#### 5. Alamat E-mel

Syarikat yang ingin berdaftar hendaklah memastikan bahawa **SEMUA** e-mel rasmi korporat adalah sah dan aktif serta tidak boleh menggunakan alamat e-mel pihak ketiga.

Sekiranya didapati alamat e-mel yang digunakan bukan milik syarikat yang berdaftar, **TNB berhak untuk menolak permohonan** dan bagi kes permohonan yang telah diluluskan, **TNB berhak menarik semula kelulusan tersebut**.

Ini adalah penting kerana alamat e-mel korporat akan digunakan untuk fungsi-fungsi berikut dalam sistem SRM:

5.1 Pengeluaran ID pengguna dan kata laluan. Sila pastikan alamat e-mel adalah milik organisasi yang diberi kuasa untuk mengendalikan permohonan kepada TNB dan untuk membuat ID pengguna baru bagi organisasi anda. ID pengguna yang diwujudkan untuk syarikat anda akan memberikan kebenaran kepada kakitangan anda untuk mengemaskini data syarikat anda, memasukkan respon tender, serta mewakili organisasi anda untuk berhubung dengan TNB

5.2 E-mel peringatan kepada anda 45 dan 30 hari sebelum tamat tempoh pendaftaran anda

5.3 E-mel notifikasi untuk memberitahu anda bahawa Pesanan Belian (PO) telah dikeluarkan kepada syarikat anda melalui Portal SRM untuk tindakan anda

#### 6. Makluman

Pendaftaran dengan TNB melayakkan syarikat tuan/puan untuk menyertai sebutharga/tender yang akan diiklankan oleh TNB sama ada melalui sistem SRM atau melalui laman korporat atau papan tender Bahagian/Stesen/Jabatan TNB.

Salinan sijil pendaftaran hendaklah dikemukakan semasa pembelian sebutharga/tender dan disertakan semasa penyerahan dokumen sebutharga/tender.

Sebarang perubahan kepada syarat-syarat pendaftaran ini adalah hak mutlak TNB.

#### 7. Peringatan

Syarikat yang ingin mendaftar perlu menjamin dan memastikan bahawa semua data, maklumat dan dokumen sokongan yang dikemukakan semasa permohonan dibuat adalah sah dan betul. Melakukan penipuan atau bersubahat untuk menipu pihak TNB dengan memalsu atau meminda sebarang maklumat dan dokumen, jika disabitkan kesalahan, akan menyebabkan permohonan ditolak atau dalam kes di mana kelulusan telah diberikan, akan mengakibatkan pembatalan serta-merta. TNB berhak mengambil tindakan sewajarnya kepada syarikat yang terlibat dengan mengenakan tindakan **disenarai hitam untuk selama-lamanya**.

Antara implikasi bagi tindakan senarai hitam adalah seperti berikut:

- I. Bagi semua kes dimana pembekal/kontraktor disenarai hitam, kontrak-kontrak sedia ada tidak boleh diteruskan
- II. Pembekal/kontraktor yang telah disenarai hitam tidak boleh menyertai sebarang aktiviti perolehan TNB untuk tempoh selama-lamanya
- III. Pembekal/kontraktor yang telah disenarai hitam tidak boleh dianugerah sebarang tender/kontrak bermula dari tarikh kuatkuasa senarai hitam
- IV. Sepanjang tempoh senarai hitam berkuatkuasa, syarikat yang telah disenarai hitam tidak boleh menjadi subkontraktor kepada syarikat lain yang berkontrak dengan TNB

**TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB) TIDAK PERNAH MELANTIK MANA-MANA SYARIKAT ATAU PIHAK LAIN SEBAGAI AGEN UNTUK MELAKUKAN PROSES PENDAFTARAN, PEMBAHARUAN SIJIL ATAU KEMASKINI PROFIL PEMBEKAL DAN KONTRAKTOR TNB. SEMUA SYARIKAT DIKEHENDAKI UNTUK BERURUSAN TERUS DENGAN PIHAK TNB.**

**TENAGA NASIONAL BERHAD TIDAK MEMPUNYAI OBLIGASI UNTUK MENAWARKAN KONTRAK KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT YANG BERDAFTAR DENGAN TENAGA NASIONAL BERHAD.**

#### 8. Alamat dan Talian Untuk Dihubungi

Unit Pendaftaran Pembekal TNB, Shared Service Management, Procurement Shared Services, Bahagian TNB Global Business Solutions, Tenaga Nasional Berhad, Aras 3A Tower 1, UOA Business Park, No. 1, Jalan Pengaturcara U1/51A, Section U1, Kawasan Perindustrian Temasya, 40150 Shah Alam, Selangor.

Untuk sebarang pertanyaan mengenai pendaftaran syarikat, sila hubungi talian berikut : 03-8929 9595 (pilih nombor 2 untuk perolehan)

#### 9. Cara Untuk Memperbaharui Sijil

Pembaruan sijil pendaftaran boleh dilakukan melalui laman web korporat TNB:

<http://www.tnb.com.my>

Laluan :

**Klik pada pautan Business with TNB > Supplier >Supplier Relationship Management >Supplier Self Service (SUS)**

Atau melalui URL: <https://www.tnb.com.my/doing-business-with-tnb/suppliers/supplier-relationship-management>

